

Cara menghidupkan budaya membaca dalam dua bahasa di rumah dan di sekolah

Usaha membina budaya membaca dalam dua bahasa memerlukan sumbangan serta kerjasama erat antara sekolah, keluarga dan masyarakat.

Di sekolah



Mudahkan akses kepada bahan bacaan bercetak yang relevan, menarik dan pelbagai di perpustakaan sekolah

Bina program bacaan yang lebih seimbang dengan melibatkan kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda

Sesuaikan program bacaan berdasarkan umur dan tahap kemahiran kanak-kanak

Sediakan aplikasi membaca yang sudah pun dimuat turun di peranti digital untuk menyokong pembacaan dwibahasa kanak-kanak

Tetapkan waktu khas supaya kanak-kanak dapat membaca untuk keseronokan sewaktu di sekolah

Galakkan kanak-kanak agar membaca untuk keseronokan dan sediakan peluang bagi mereka untuk melakukan demikian

Di rumah



Tetapkan waktu membaca ke dalam jadual seharian anak-anak

Galakkan perbincangan santai antara ahli keluarga tentang buku yang sedang mereka baca

Ajak anak-anak bercakap tentang topik yang mereka minati dan cari bahan bacaan yang menyokong dan memperluaskan minat tersebut

Sediakan ruang selesa yang disertakan dengan buku dalam bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda

Bagi kanak-kanak prasekolah, memang wajar untuk mendedahkan mereka kepada amalan membaca seawal mungkin

Usah biarkan anak-anak menggunakan aplikasi membaca sendiri; gunakan aplikasi tersebut untuk membaca bersama mereka

Saranan-saranan tersebut dipetik daripada sebuah kajian yang dijalankan pada tahun 2020 untuk meneliti amalan membaca kanak-kanak dwibahasa Singapura dalam bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda masing-masing. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laporan penuh:



Anda juga boleh menghubungi Penyelidik Utama: baoqi.sun@nie.edu.sg



An Institute of

